

Hubungan Kristian, Muslim kian renggang

BH - 20/9/2000

Pakar gereja persalahkan ucapan Pope Benedict hina Islam

KOTA VATICAN: Pakar gereja menganggap kontroversi dicituskan Pope Benedict, pemimpin Roman Katolik hanya merenggangkan lagi jurang, selain menjelaskan hubungan Islam-Kristian diusahakan sejak berdekad lamanya.

Setiausaha Negara baru Vatican dan pembantu Pope, Tarcisio Bertone yang dilantik Jumaat lalu di tengah-tengah bantahan umat Islam di atas kenyataan Pope menghina Islam berkata, wakil Vatican akan menjelaskan ucapan pemimpin mereka di Universiti Regensburg, Jerman, yang inti patinya dipercayai gagal dilihat orang Islam.

Bertone yang dipetik akhbar *Corriere della Sera* turut mendakwa, teks asal ucapan Pope itu dimanipulasi dan disalah tafsir sehingga menjadi sesuatu yang berbeza daripada maksud sebenar Pope.

Ahad lalu, Pope menyuarakan rasa amat kesalnya kerana umat Islam tersinggung dengan petikan lama di-

gunakannya mengaitkan Islam dengan keganasan.

Dalam ucapan itu, Pope merujuk kecaman ke atas Nabi Muhammad oleh Raja Byzantine kurun ke-14, Manuel II Palaeologus yang menyifatkan kaedah dakwah junjungan umat Islam itu dibuat secara jahat dengan menggunakan pedang. Menyedari kemarahan Muslim, Pope dalam kenya-

“*Kesannya bukan saja membabitkan hubungan dua agama itu, tetapi Pope di negara Barat juga*”

Gian Enrico Rusconi
Profesor Universiti Turin

taannya mendakwa petikan itu bukan pandangan peribadinya.

Hakikatnya, perbuatan Pope itu disifatkan umat Islam sebagai keterlaluan dan pakar gereja pula memberi amaran ia menjejaskan hubungan Kristian dan Islam.

Marco Politi, penulis dan pakar Vatican bagi akhbar *Rome La Repubblica* menyifatkan perbuatan Pope itu hanya menjejaskan usaha hampir suku abad bagi pemimpin Vatican sebelum ini, John Paul bagi memulihkan hubungan dengan Islam.

Politi menyifatkan John Paul sebaliknya dihormati dunia Islam dan Barat tidak pernah melihatnya sebagai musuh.

“Sayangnya, semuanya musnah kerana ucapan Pope dan kita hanya boleh melihat sama ada dia dan setiausaha negaranya dapat meleraikan kemelut ini,” katanya.

John Paul yang mati tahun lalu, juga menjadi Pope pertama melakukan lawatan ke sebuah masjid dan

mengunjungi banyak negara Islam. Malah, dia turut menerima kedatangan ramai pemimpin agama dan politik Islam ke Vatican sepanjang 27 tahun pemerintahannya.

Ini bukan kali pertama Pope menghina Islam. Pada Februari lalu Pope membubarkan satu jabatan khas Vatican, termasuk memecat presidennya kerana mengusahakan dialog dengan Islam. Jabatan itu sebaliknya digabungkan dengan Kementerian Kebudayaan Vatican.

Presiden itu, Paderi Michael Fitzgerald antara pemimpin berpengalaman dalam usaha dialog dengan Islam sebaliknya dihantar bertugas ke Kaherah yang dilihat ramai sebagai turun pangkat.

Pada 2004, ketika menjadi pakar teologi Vatican, Pope membuat ulasan pedas dan membantah kemasukan Turki ke dalam Kesatuan Eropah, disebabkan Turki sebagai negara Islam disifatkannya bercanggah dengan kepentingan Eropah. - Reuters